

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : FOKUS PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI SEPANJANG PANDEMIK
COVID-19**

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengkaji, berbincang dan memutuskan supaya peruntukan dana negeri hanya akan difokuskan pada perkara-perkara penting sahaja?

- b) Sekiranya ya, apakah aspek ataupun fokus yang akan diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri dalam isu peruntukan? (cth: banjir, isu air)

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : WARGA ASING

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bancian setiap PBT bagi warga asing yang menyewa premis?
- b) Nyatakan masalah yang dihadapi oleh pihak PBT berkaitan isu penempatan warga asing?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bancian setiap PBT bagi warga asing yang menyewa premis adalah seperti berikut :

BIL	PBT	JUMLAH BANCIAN WARGA ASING MENYEWAWA PREMIS
1.	MBSA	313
2.	MBPJ	TIADA
3.	MPK	TIADA
4.	MPAJ	TIADA
5.	MPSJ	TIADA
6.	MPS	TIADA
7.	MPKj	93
8.	MPSp	TIADA
BIL	PBT	JUMLAH BANCIAN WARGA ASING MENYEWAWA PREMIS
9.	MPKL	68
10.	MDHS	TIADA
11.	MDKS	TIADA
12.	MDSB	15
JUMLAH		489

Nota : Sumber daripada PBT

b) Antara masalah yang dihadapi oleh pihak PBT berkaitan isu penempatan warga asing ialah :

- i. Pencerobohan tanah kerajaan bagi pendirian struktur kediaman;
- ii. Rumah kediaman dijadikan pusat pengumpulan besi buruk/barang terpakai;
- iii. Kacau ganggu kepada penduduk, peniaga, sekitar; dan
- iv. Masalah keselamatan, kebersihan dan kesihatan setempat.

PBT tidak mempunyai punca kuasa dalam penguatkuasaan pekerja warga asing. Undang-undang Kecil yang digunapakai hanya meletakkan syarat kepada pemohon atau pelesen sahaja. PBT tidak terlibat dalam isu penempatan warga asing dan penempatan ini ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan atau di bawah Jabatan Imigresen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : MASJID DAN SURAU SEBAGAI PUSAT PENGUPAYAAN UMMAH

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan satu 'blueprint' terhadap dasar ini?

JAWAPAN:

a) Usaha-usaha awalan telah diambil tindakan bersama oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk menyediakan blueprint bagi menjadikan masjid sebagai Pusat Pengupayaan Ummah. Pelan pengupayaan tersebut juga telah dijadikan sebagai salah satu strategi dalam Dokumen Pelan Strategik JAIS 2020-2024 yang perlu dicapai dengan inisiatif untuk menjadikan masjid dan surau sebagai :-

- i. Pusat peribadatan umat Islam setempat
- ii. Pusat keilmuan setempat
- iii. Pusat dakwah setempat
- iv. Pusat keprihatian sosial setempat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : SIDANG DEWAN ATAS TALIAN / BERCAMPUR

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Dewan Negeri Selangor sudi meminda peraturan tetap untuk membenarkan sidang dewan atas talian atau sidang dewan atas talian bercampur dengan kehadiran fizikal? Wabak Covid-19 jelas menunjukkan keperluan yang sama. Baik Selangor bersedia sebelum bencana seterusnya.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BANTUAN COVID-19

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis bantuan kewangan, jika ada yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat Selangor yang terjejas pendapatan akibat wabak Covid-19?
- b) Berapakah jumlah bantuan tersebut dan bilangan rakyat Negeri Selangor yang dapat menikmatinya?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 228 – Perbelanjaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Mac – Jun) dari Bukit Lanjan, No. 285 – Bantuan Covid – 19 dari Sungai Burong, dan No. 293 (a) dan (b) – Bantuan Rakyat dari Sungai Air Tawar.

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk di Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM413.933 juta.

Perincian setiap inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti di **Lampiran I.**

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Insentif sebanyak RM200 (<i>One Off</i>) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1,200,000.00	1,186,200.00	5,931
2	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor		192,096.00	2,161
3	Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa	600,000.00	600,000.00	2,733

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
4	Peningkatan had nilai dari RM20 ribu kepada RM30 ribu bagi Program/Aktiviti Mesra Rakyat untuk pembelian keperluan asas	1,680,000.00	1,680,000.00	33,600
5	Pemberian insentif sebanyak RM500 (<i>One Off</i>)	40,000,000.00	11,442,000.00	22,884
6	Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT Kepada Penjaja/ Peniaga Berlesen	12,000,000.00	2,784,591.00	12,516
7	Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH Selangor	70,000,000.00	70,000,000.00	39,818
8	Bantuan sara diri sebanyak RM200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah/ Sarawak	500,000.00	141,400.00	986
9	Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS	1,800,000.00	37,200.00	270
10	Program memudahcara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir	49,800.00	49,800.00	1365
	JUMLAH KESELURUHAN IMPAK FASA I	127,829,800.00	88,113,287.00	122,264.00

BIL	INSENTIF FASA KEDUA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Insentif Penjagaan Anak-anak <i>Frontliner</i> bagi setiap keluarga untuk tempoh 2 bulan	1,500,000.00	63,300.00
2	Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan	1,340,000.00	326,080.00
3	Bantuan makanan kepada petugas media dan petugas keselamatan	100,000.00	93,472.00
4	Keperluan <i>Task Force</i> COVID Selangor	50,000.00	50,000.00
5	Bas Smart Selangor dari KLIA ke hotel	560,000.00	2,038,274.00
6	Membekalkan topeng muka, <i>hand sanitizer</i> , dan sarung tangan	2,000,000.00	2,621,500.00
7	Operasi stesen kuarantin: petempatan <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) di ILIM dan ILKAP	3,000,000.00	927,919.03
8	Penambahbaikan Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	42,500,000.00
9	Saringan/ <i>mass-test</i> di kawasan <i>hot spot</i> wabak Covid (2 kali penyaluran RM1.35 juta + RM2.06 juta)	3,410,000.00	3,660,000.00

10	Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti COVID-19 (RM1 ribu setiap pesakit)	1,800,000.00	162,000.00	198
11	Pengurusan kesihatan mental melalui kelas interaktif alam maya.	1,000,000.00	151,900.00	162,400
12	Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Pertama Tahun 2020	12,850,000.00	12,852,374.00	691,945
13	Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat ADUN dari RM20K kepada RM30K (2 kali penyaluran RM1.68 juta x 2 kali)	3,360,000.00	3,360,000.00	67,200
14	Pemberian kepada Ahli Majlis sebanyak RM10k/ RM5k	2,750,000.00	2,442,462.91	55,000
15	Peluasan Skop bagi peruntukan MPKK/KKI (RM5k)	2,480,000.00	2,480,000.00	49,600
16	Bantuan kewangan RM400 kepada penerima program <i>Blueprint</i> kumpulan F&B yang terjejas	460,000.00	430,000.00	1,075
17	Bantuan Makanan Asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM1,500 ke bawah)	500,000.00	500,000.00	5,000
18	Bantuan Kepada Petani/Penternak/ Nelayan/IAT	1,500,000.00	1,500,000.00	2,669
19	<i>Sustainability of food supply</i> - pemasaran produk hasil segar dan proses di bawah Program Selangor Agro Market (SAM)	1,000,000.00	1,000,000.00	275

20	Inisiatif Digital Selangor Grab	-	0.00	
21	Membangunkan platform e-learning	700,000.00	246,304.00	82,279
22	Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	6,000,000.00	6,000,000.00	3,991
23	Bantuan makanan untuk mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL dan KUIS	760,000.00	73,920.00	330
24	Perlanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak sehingga 31 Julai 2020 tanpa dikenakan caj fi denda lewat.	-	0.00	2,031,495
25	Tempoh bayaran Premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP	87,810,000.00	87,810,000.00	-
26	Perlanjutan tarikh perserahan urusanniaga dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
27	Perlanjutan tarikh pungutan dokumen dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
28	Tabung Khas Bantuan COVID-19	8,000,000.00	2,137,614.70	-
29	Inisiatif Selangor Pay	100,000,000.00	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA	285,430,000.00	173,427,120.64	3,384,482

BIL	INSENTIF FASA KEDUA (TAMBAHAN)	IMPAK KEWANGAN	PERBELANJAAN	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Penyaluran peruntukan sebanyak RM20K kepada YB Senator bagi tujuan pemberian keperluan asas	40,000.00	40,000.00	800
2	Pemberian sumbangan kepada masyarakat orang asli (dalam bentuk barangan keperluan asas bernilai RM50 bagi setiap keluarga)	297,000.00	288,056.90	5,812
3	Bantuan Susu Bayi & Lampin Pakai Buang Melalui 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor	336,000.00	336,000.00	5,829
JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA (TAMBAHAN)		673,000.00	664,056.90	12,441

JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN	413,932,800.00	262,204,464.54	3,519,187
----------------------------------------------	-----------------------	-----------------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : SELANGOR MARITIME GATEWAY

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi Landasan Lumayan Sdn Bhd dalam membantu membersihkan Sungai Klang sehingga sekarang?
- b) Apakah latar belakang syarikat ini dan apakah teknologi dan kos perbelanjaan yang terlibat dalam usaha membersihkan Sungai Klang?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan projek Selangor Maritime Gateway (SMG) yang diterajui oleh Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) telah secara rasminya bermula semenjak 1 June 2018 dan sedang di dalam fasa pertama bermula pada tahun 2018 hingga 2022 bermula dengan pembersihan, pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang.

Bagi kerja-kerja pembersihan, ianya telahpun dimulakan pada Februari 2016 dan sehingga kini, sejumlah 60,000 tan sampah telah berjaya dikeluarkan daripada Sungai Klang. 7 buah logboom telah siap dipasang disepanjang 56km jajaran Sungai Klang bermula di Kawasan MBPJ sehinggalah di kawasan MPK. Selain daripada itu, sebanyak 2unit sensor telah dipasang di sepanjang Sungai Klang bagi tujuan pemantauan kualiti air.

Hasil daripada usaha pembersihan di atas, rekod statistik menunjukkan bahawa purata kutipan sampah telah menurun sebanyak 35%, daripada purata kutipan 1,400 tan sebulan yang dicatatkan pada tahun 2016 & 2017 kepada 900 tan sebulan pada masa kini. Berdasarkan kepada data yang direkodkan oleh sensor yang dipasang, tahap kualiti air di Sungai Klang juga telah menunjukkan peningkatan daripada kelas V (tercemar teruk) kepada kelas III secara puratanya.

- b) Landasan Lumayan Sdn. Bhd. (LLSB) merupakan anak syarikat milikan penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Negeri sebagai '*Master Developer*' bagi pelaksanaan projek **Selangor Maritime Gateway (SMG)**.

Dalam usaha membersihkan Sungai Klang, kerja-kerja pembersihan sungai telah bermula pada tahun 2016. Bagi menangani masalah sampah terapung, LLSB telah membina sebanyak tujuh (7) buah log boom di sepanjang 56km jajaran Sungai Klang. Selain daripada itu, sebanyak 2unit sensor telah dipasang bagi tujuan pemantauan kualiti air. Sehingga kini, sebanyak kira-kira RM24 juta telah dibelanjakan untuk tujuan pembersihan Sungai Klang sejak tahun 2016 (kira-kira RM5.0 juta setahun).

Pihak Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) juga telah menjalinkan kerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di The Netherlands iaitu The Ocean Cleanup (TOC) pada April 2019. Objektif utama kerjasama ini adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi pembersihan di Sungai Klang dengan pengaplikasian teknologi terkini daripada pihak TOC iaitu The Interceptor, yang kini sudah mula beroperasi di kawasan Pengkalan Batu, Klang. Kerjasama ini juga telah menunjukkan bahawa projek SMG telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2020, penekanan kepada inisiatif pemuliharaan Sungai Klang secara komprehensif bagi tujuan menyediakan keperluan sumber air akan datang dan meningkatkan nilai pembangunan berdaya impak di sepanjang Sungai Klang sedang dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : UNISEL

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah UNISEL akan memberi rebat atau pengurangan fi kepada pelajar akibat covid-19?
- b) Apakah kedudukan kewangan Unisel sekarang?
- c) Apakah prestasi untung-rugi UNISEL pada tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Pemberian rebat dan pengurangan fi kepada pelajar **tidak dapat dipertimbangkan** setelah mengambil kira bahawa **kos pelaksanaan operasi** yang perlu dibiayai oleh pihak Universiti sendiri agar mematuhi protokol dan prosedur Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara (SOP) dalam kepentingan keselamatan dan kesihatan warga Universiti dan komuniti. Tambahan pula, proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) masih dilaksanakan mengikut ketetapan pihak berwajib, walaupun dengan kaedah yang berbeza, iaitu melalui pembelajaran dalam talian.

Untuk makluman YB, Universiti **masih menanggung kos operasi** pentadbiran yang tidak berkurangan bagi menyelenggara semua kemudahan termasuk bilik kuliah, makmal, bengkel, perpustakaan, studio, dan kemudahan pusat sukan. Perkara ini perlu dilaksanakan untuk memastikan keadaan Universiti terurus dan mengekalkan tanpa menjejaskan keselamatan dan kesihatan warga Universiti.

Selain itu, pihak pentadbiran Universiti sentiasa memastikan kampus beroperasi dengan baik dan operasi pentadbiran dapat diteruskan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Malahan pihak Universiti perlu menanggung kos pelaburan bagi perkakasan awan (*cloud computing*) untuk staf bekerja dari rumah, perisian, jalur lebar, sistem pengurusan pembelajaran dalam talian, e-sumber agar kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam talian berjalan lancar.

- b) Buat masa ini, Laporan kewangan bagi tempoh 2019-2020 tidak dapat dijana memandangkan pihak UNISEL sedang membangunkan Sistem Kewangan melalui Total Campus Management System (TCMS) dan dijangka dapat disiapkan penghujung Tahun 2020.

- c) Buat masa ini, Laporan kewangan bagi tempoh 2019-2020 tidak dapat dijana memandangkan pihak UNISEL sedang membangunkan Sistem Kewangan melalui *Total Campus Management System (TCMS)* dan dijangka dapat disiapkan penghujung Tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERSEMPADANAN NEGERI SELANGOR

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini isu persempadanan wilayah antara Selangor dan Kuala Lumpur?
- b) Nyatakan impak kepada persempadanan wilayah ini kepada pihak berkuasa tempatan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini bagi persempadanan antara Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur **adalah di peringkat untuk memuktamadkan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU-2) [Setuju Hasrat Penandaan dan Ukur] dan Bidang Tugas (ToR) secara bersama dengan pihak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri Selangor telah bersedia pada bila-bila masa yang bersesuaian setelah dipersetujui oleh pihak Wilayah Persekutuan** untuk menandatangani dokumen tersebut bagi membolehkan pihak JUPEM menjalankan kerja-kerja di lapangan bagi menanda dan mengukur sempadan negeri.

Bagi persempadanan antara Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ianya melibatkan proses **MoU-2 [Setuju Hasrat Penandaan dan Ukur] dan ToR**. Setelah semua proses penandaan dan pengukuran dan Pelan Kerja disiapkan, **MoU-3 [Setuju Terima Ukuran Baru] dan Perjanjian Sempadan** akan ditandatangani.

Di peringkat permulaan proses, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor melalui Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Selangor mengenal pasti kawasan-kawasan yang hendak diukur dengan membuat kajian dan semakan serta siasatan termasuk mendapatkan dokumen-dokumen lama (sejarah) berhubung jajaran sempadan negeri dahulu yang pernah dimeterai oleh kedua-dua pihak.

Terdapat tiga (3) jawatankuasa yang ditubuhkan dan terlibat dengan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) iaitu berikut:

1. **Jawatankuasa Bersama Teknikal (JBT);**
2. **Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JPPSBN);** dan
3. **Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JKPPSBN)**

Beberapa siri mesyuarat, perbincangan dan rundingan untuk memuktamadkan kawasan jajaran sempadan yang hendak diukur telah diadakan antara kedua-dua pihak Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang dihadiri oleh beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Laporan berhubung Memorandum Persefahaman dan Bidang Tugas Bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga turut telah disebarkan maklum kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor oleh **pada 13 Januari 2015** dan **5 April 2019** buat kali kedua.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor buat pertama kalinya telah menimbang dan meluluskan cadangan Memorandum Persefahaman dan Bidang Tugas Bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) **pada 13 Jun 2012**, dan turut diangkat untuk kali kedua dan diluluskan **pada 26 Jun 2019**.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri Selangor sangat komited untuk menyelesaikan urusan memuktamadkan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya).

- b) Sektor Perbandaran merupakan salah satu elemen terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara terutamanya dalam mencapai matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi tahun 2020. Secara tidak langsung, aspek persempadan wilayah memberi impak kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan bagi mewujudkan keseimbangan dan kesejahteraan Bandar.

Di Negeri Selangor, antara impak bersempadanan wilayah terhadap PBT yang bersebelahan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) adalah seperti berikut:

- (i) Aspek pengawalan perancangan gunatanah dan pembangunan di setiap zon pembangunan yang bersempadanan antara wilayah agar tidak bercanggah dengan aktiviti pembangunan yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan dan Kelulusan Kebenaran Merancang. Ini termasuk isu keperluan penambahbaikan ke atas kemudahan infrastruktur terutama sempadan kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- (ii) Pembangunan bersempadanan yang melibatkan kawasan tanah tinggi sebagai contoh kawasan Bukit Gasing (MBPJ) yang mempunyai dasar kawalan pembangunan berbeda dimana DBKL membenarkan pembangunan berkepadatan tinggi dan sederhana manakala di MBPJ adalah merupakan kawasan berkepadatan rendah.
- (iii) Ketidak seimbangan dasar/ garispanduan dari aspek kawalan pendirian iklan luaran juga memberi kesan tiada keseimbangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE)

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan menurunkan tarif air yang dibekalkan setelah mengehendkan penerima air percuma 20m³ kepada golongan b40 sahaja?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk memberikan potongan bayaran bil air kepada rakyat yang terjejas akibat perintah kawalan pergerakan akibat covid-19?

JAWAPAN:

- a) Penetapan kadar tarif air setelah berkuatkuasanya Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan ia adalah tertakluk kepada parameter yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan.
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberi sebarang potongan bayaran bil air bagi pengguna di Negeri Selangor tetapi membenarkan bayaran secara ansuran dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : COVID-19

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesan buruk covid-19 kepada pendapatan Negeri Selangor?
- b) Nyatakan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam memastikan ekonomi Selangor tidak terjejas teruk akibat pandemik covid-19 ini?

JAWAPAN:

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Bandar Utama [Soalan 152(a)], YB Sungai Burong [Soalan 255(a)], YB Bukit Gasing [Soalan 262(a)] dan YB Semenyih [Soalan 290(a)] yang bertanyakan soalan berkaitan kesan wabak Covid-19 terhadap kutipan hasil Kerajaan Negeri.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri serta usaha mendapatkan hasil yang berterusan berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Status pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM1,527.61 juta atau 69.44 peratus daripada anggaran hasil RM2.2 bilion. Daripada hasil keseluruhan ini, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM416.67 juta atau 60.08 peratus. Kutipan Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM897.35 juta atau 70.71 peratus. Manakala, Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM213.58 juta atau 90.01 peratus.

- b) Ekonomi Kerajaan Negeri secara amnya turut terjejas selepas Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan oleh Kerajaan bermula pada 18 Mac 2020. Kerajaan Negeri menyedari akan kesan ekonomi yang tidak dapat dielakkan terutamanya terhadap perniagaan dan rakyat. Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Kerajaan Negeri juga mengambil keputusan untuk membuka semula sektor ekonomi secara berperingkat bagi memastikan semua perniagaan atau industri boleh memulakan semula aktiviti sekaligus memulihkan ekonomi negeri secara berfasa. Langkah ini dapat merangsang semula ekonomi Selangor dan bagi

memastikan ekonomi Selangor tidak terjejas teruk ekoran daripada pelaksanaan PKP ini.

Struktur ekonomi Kerajaan Negeri pasca COVID-19 akan mengadaptasikan perubahan dan pendekatan baru dari segi sistem dan pelaksanaannya. Pakej Rangsangan Selangor Prihatin akan diteruskan dengan pelaksanaan Fasa Ketiga yang akan memberi manfaat kepada rakyat Selangor sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, namun bagi menjana dan mengukuhkan semula ekonomi Negeri, Kerajaan Negeri akan membangunkan Pelan Pemulihan Ekonomi Selangor yang menekankan kepada tiga tonggak utama dalam menangani impak COVID-19. Tiga tonggak utama tersebut yang akan diberi penekanan ialah Keselamatan Makanan (*food security*), Kemampanan Ekonomi (*economy sustainability*) dan Pembangunan Kapasiti (*capacity building*).

Tonggak pertama di bawah kluster Keselamatan Makanan (*food security*) akan memfokuskan kepada kelangsungan bekalan makanan dengan memastikan bekalan makanan yang sentiasa mencukupi untuk rakyat Selangor serta menjadikan sektor pertanian dan makanan sebagai salah satu penyumbang terbesar KDNK Negeri Selangor. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan memastikan pengadaptasian teknologi dalam pengoperasian kitaran nilai pertanian dalam mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

Tonggak kedua pula iaitu Kemampanan Ekonomi (*economy sustainability*), penumpuan akan diberikan dalam merencanakan lagi pembangunan hartanah, memastikan pengurusan infrastruktur dan perkhidmatan air yang efisien, mengekalkan keseimbangan dalam aliran tunai Kerajaan Negeri serta peningkatan sistem penyampaian Kerajaan Negeri yang lebih bersifat fleksibel dan mampan dalam pengurusan terimaan hasil. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan mengengahkan inisiatif pembiayaan tunai Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan meningkatkan kecairan tunai IKS bagi mengekalkan kelangsungan operasi mereka terutamanya ketika fasa pemulihan ekonomi ini.

Tonggak yang ketiga, iaitu Pembangunan Kapasiti (*capacity building*), Kerajaan Negeri akan memberi penekanan dengan memacu pertumbuhan industri aeroangkasa sebagai industri yang bernilai tinggi dengan mengkoordinasikan tenaga kerja (*talent*) yang terdiri dalam kalangan rakyat Selangor ke dalam syarikat-syarikat yang telah dikenalpasti untuk meningkatkan kapabiliti dan kapasiti peserta dalam bidang aeroangkasa. Inisiatif pembangunan teknologi dan kemahiran aeroangkasa dalam kalangan *talents* Selangor sangat diperlukan dalam fasa pemulihan ini untuk mengukuhkan lagi rangkaian sumber manusia dalam bidang aeroangkasa. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut memberi fokus dalam peningkatan kemahiran tenaga kerja dengan memenuhi penawaran kerja lebih-lebih lagi ramai rakyat Selangor yang terkesan apabila diberhentikan kerja ketika dalam tempoh PKP. Kerajaan Negeri meletakkan

sasaran untuk menangani masalah pengangguran sebanyak 5% sebagai salah satu strategi pemulihan ekonomi pasca Covid-19 selain daripada menyediakan peluang pekerjaan kepada 10,000 orang dalam tempoh tiga tahun. Kerajaan Negeri juga akan mencipta nilai modal insan bagi membangunkan Ekosistem Industri Nilai Tinggi dengan menjadikan Industri Aeroangkasa sebagai pemangkin pembangunan Industri Nilai Tinggi bagi merealisasikan Selangor sebagai *Regional Smart State menjelang tahun 2025*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMANDU MABUK

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor terhadap pemandu-pemandu kenderaan mabuk yang menyebabkan kematian dan kemalangan jalan raya di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kriteria utama kerajaan negeri dalam pemilihan peruntukan skim mesra usia emas atau inisiatif lain kepada warga emas di Selangor?
- b) Nyatakan inisiatif kepada warga emas selain skim mesra usia emas yang sedia ada untuk perlindungan kesihatan dan sistem sokongan yang lebih menyeluruh?

JAWAPAN:

- a. Tiada Kaitan
- b. Tiada Kaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : BANTUAN RAKYAT

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan yang telah disalurkan kepada rakyat Selangor yang terkesan dengan perintah kawalan pergerakan akibat wabak covid-19?
- b) Nyatakan jenis peruntukan yang telah disalurkan?
- c) Nyatakan jumlah penerima bantuan tersebut mengikut pecahan DUN dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 228 – Perbelanjaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Mac – Jun) dari Bukit Lanjan, No. 285 – Bantuan Covid – 19 dari Sungai Burong, dan No. 293 (a) dan (b) – Bantuan Rakyat dari Sungai Air Tawar.

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk di Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM413.933 juta.

Perincian setiap inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti di **Lampiran I.**

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Insentif sebanyak RM200 (<i>One Off</i>) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1,200,000.00	1,186,200.00	5,931
2	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor		192,096.00	2,161
3	Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa	600,000.00	600,000.00	2,733

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
4	Peningkatan had nilai dari RM20 ribu kepada RM30 ribu bagi Program/Aktiviti Mesra Rakyat untuk pembelian keperluan asas	1,680,000.00	1,680,000.00	33,600
5	Pemberian insentif sebanyak RM500 (<i>One Off</i>)	40,000,000.00	11,442,000.00	22,884
6	Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT Kepada Penjaja/ Peniaga Berlesen	12,000,000.00	2,784,591.00	12,516
7	Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH Selangor	70,000,000.00	70,000,000.00	39,818
8	Bantuan sara diri sebanyak RM200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah/ Sarawak	500,000.00	141,400.00	986
9	Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS	1,800,000.00	37,200.00	270
10	Program memudahcara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir	49,800.00	49,800.00	1365
	JUMLAH KESELURUHAN IMPAK FASA I	127,829,800.00	88,113,287.00	122,264.00

BIL	INSENTIF FASA KEDUA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Insentif Penjagaan Anak-anak <i>Frontliner</i> bagi setiap keluarga untuk tempoh 2 bulan	1,500,000.00	63,300.00
2	Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan	1,340,000.00	326,080.00
3	Bantuan makanan kepada petugas media dan petugas keselamatan	100,000.00	93,472.00
4	Keperluan <i>Task Force</i> COVID Selangor	50,000.00	50,000.00
5	Bas Smart Selangor dari KLIA ke hotel	560,000.00	2,038,274.00
6	Membekalkan topeng muka, <i>hand sanitizer</i> , dan sarung tangan	2,000,000.00	2,621,500.00
7	Operasi stesen kuarantin: petempatan <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) di ILIM dan ILKAP	3,000,000.00	927,919.03
8	Penambahbaikan Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	42,500,000.00
9	Saringan/ <i>mass-test</i> di kawasan <i>hot spot</i> wabak Covid (2 kali penyaluran RM1.35 juta + RM2.06 juta)	3,410,000.00	3,660,000.00

10	Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti COVID-19 (RM1 ribu setiap pesakit)	1,800,000.00	162,000.00	198
11	Pengurusan kesihatan mental melalui kelas interaktif alam maya.	1,000,000.00	151,900.00	162,400
12	Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Pertama Tahun 2020	12,850,000.00	12,852,374.00	691,945
13	Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat ADUN dari RM20K kepada RM30K (2 kali penyaluran RM1.68 juta x 2 kali)	3,360,000.00	3,360,000.00	67,200
14	Pemberian kepada Ahli Majlis sebanyak RM10k/ RM5k	2,750,000.00	2,442,462.91	55,000
15	Peluasan Skop bagi peruntukan MPKK/KKI (RM5k)	2,480,000.00	2,480,000.00	49,600
16	Bantuan kewangan RM400 kepada penerima program <i>Blueprint</i> kumpulan F&B yang terjejas	460,000.00	430,000.00	1,075
17	Bantuan Makanan Asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM1,500 ke bawah)	500,000.00	500,000.00	5,000
18	Bantuan Kepada Petani/Penternak/ Nelayan/IAT	1,500,000.00	1,500,000.00	2,669
19	<i>Sustainability of food supply</i> - pemasaran produk hasil segar dan proses di bawah Program Selangor Agro Market (SAM)	1,000,000.00	1,000,000.00	275

20	Inisiatif Digital Selangor Grab	-	0.00	
21	Membangunkan platform e-learning	700,000.00	246,304.00	82,279
22	Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	6,000,000.00	6,000,000.00	3,991
23	Bantuan makanan untuk mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL dan KUIS	760,000.00	73,920.00	330
24	Perlanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak sehingga 31 Julai 2020 tanpa dikenakan caj fi denda lewat.	-	0.00	2,031,495
25	Tempoh bayaran Premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP	87,810,000.00	87,810,000.00	-
26	Perlanjutan tarikh perserahan urusanniaga dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
27	Perlanjutan tarikh pungutan dokumen dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
28	Tabung Khas Bantuan COVID-19	8,000,000.00	2,137,614.70	-
29	Inisiatif Selangor Pay	100,000,000.00	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA	285,430,000.00	173,427,120.64	3,384,482

BIL	INSENTIF FASA KEDUA (TAMBAHAN)	IMPAK KEWANGAN	PERBELANJAAN	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Penyaluran peruntukan sebanyak RM20K kepada YB Senator bagi tujuan pemberian keperluan asas	40,000.00	40,000.00	800
2	Pemberian sumbangan kepada masyarakat orang asli (dalam bentuk barangan keperluan asas bernilai RM50 bagi setiap keluarga)	297,000.00	288,056.90	5,812
3	Bantuan Susu Bayi & Lampin Pakai Buang Melalui 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor	336,000.00	336,000.00	5,829
JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA (TAMBAHAN)		673,000.00	664,056.90	12,441

JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN	413,932,800.00	262,204,464.54	3,519,187
------------------------------------------	-----------------------	-----------------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KEMATIAN JALANRAYA YANG MELIBATKAN PEMANDU MABUK

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik kes di Negeri Selangor daripada 3 tahun terdahulu sehingga kini?
- b) Apakah usaha perancangan Kerajaan Negeri di dalam menangani isu ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Statistik kemalangan jalanraya bagi kes yang melibatkan pemandu mabuk dari tahun 2017 sehingga bulan Jun 2020.

1. Statistik Kemalangan Tahun 2020 :-

Bulan	Kemalangan			Tiada Kecederaan	Jumlah
	Maut	Parah	Ringan		
Januari	0	0	1	1	2
Febuari	0	1	1	3	5
Mac	0	0	0	3	3
April	0	0	0	3	3
Mei	0	0	1	5	8
Jun	0	0	0	4	4
Jumlah	2	1	3	19	25

2. Statistik Kemalangan Tahun 2017 Hingga 2019 :-

Tahun	Kemalangan			Tiada Kecederaan	Jumlah
	Maut	Parah	Ringan		
2019	1	0	2	7	10
2018	1	0	0	8	9
2017	0	0	0	3	3

3. Kemalangan Jalanraya Melibatkan Pemandu Mabuk Bagi Kes Sebelah Pihak Dan Melibatkan Mangsa Lain :-

Tahun	Melibatkan Mangsa	Kes 1 Pihak
2020	3	22
2019	1	9
2018	1	8
2017	0	3

- Kemalangan kes 1 pihak adalah kemalangan terbabas sendiri dan kemalangan yang tidak melibatkan lain-lain pengguna jalanraya yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KUTIPAN HASIL CUKAI

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini hasil kutipan hasil cukai Selangor mengikut daerah sepanjang tahun 2020?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan jumlah kutipan hasil cukai meningkat terutamanya di kawasan luar bandar?

JAWAPAN:

- a) Hasil Cukai adalah terdiri daripada hasil Cukai Tanah, Cukai Parit Taliair, Caruman Parit, Cukai Hasil Hutan dan Cukai Hiburan. Hasil Cukai yang dikutip mengikut daerah oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pejabat Daerah/Tanah (PDT) adalah Hasil Cukai Tanah dan Cukai Parit dan Taliair sahaja. Manakala hasil cukai yang lain adalah dikutip oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Perbendaharaan Negeri Selangor. Untuk makluman, jumlah kutipan Hasil Cukai sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM416.68 juta.

Jumlah kutipan hasil cukai tanah dan cukai parit taliair Negeri Selangor mengikut daerah sehingga 30 Jun 2020 adalah seperti berikut :

Prestasi Kutipan Hasil Cukai Tanah dan Cukai Parit Taliair
sehingga 30 Jun 2020

BIL	PDT / PTGS	KUTIPAN SEHINGGA 30 JUN 2020 (RM JUTA)
1.	PDT Petaling	54.80
2.	PDT Gombak	39.22
3.	PDT Klang	58.85
4.	PDT Kuala Langat	7.89
5.	PDT Hulu Langat	25.51
6.	PDT Sepang	10.31
7.	PDT Kuala Selangor	6.79
8.	PDT Hulu Selangor	7.80

9.	PDT Sabak Bernam	1.47
JUMLAH KUTIPAN DI PDT		212.64
10.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	169.06
JUMLAH KESELURUHAN		381.70

(Sumber : Penyata Laporan Hasil iSPEKS pada 30 Jun 2020)

- b) Saya ingin menjawab soalan YB Sungai Burong [Soalan 255(b)] bersekali dengan soalan YB Semenyih [Soalan 295(b)] yang bertanyakan soalan yang sama berkaitan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan hasil dapat dikutip dan seterusnya ditingkatkan adalah:

1. Bagi Hasil Cukai Tanah:

- (i) Kerajaan Negeri melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 1 yang diumumkan pada 20 Mac 2020 telah melanjutkan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak dari 31 Mei kepada 30 Jun 2020 dan dalam Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Fasa 2 telah melanjutkan sekali lagi tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak dari 30 Jun kepada 31 Julai 2020;
 - (ii) Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor serta kesemua Pejabat Daerah/Tanah berusaha untuk mengatasi kehilangan hasil cukai tanah dan akan melaksanakan lebih banyak program kutipan turun padang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan perumahan dan tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar pagi, pasar malam dan juga kompleks membeli belah bagi memudahkan orang ramai untuk membayar cukai tanpa perlu hadir ke mana-mana Pejabat Daerah dan Tanah;
 - (iii) Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran mengenai pembayaran cukai tanah juga dilaksanakan melalui hebahan *flyers* dan surat khabar; dan
 - (iv) Pejabat Daerah dan Tanah di luar bandar seperti Kuala Langat melaksanakan kempen promosi pembayaran cukai dalam usaha menggalakkan pembayar cukai untuk membayar sambil berpeluang mendapatkan hadiah melalui cabutan bertuah.
2. Bagi Hasil Premium Tanah, Kerajaan Negeri memberi kemudahan kepada pemaju atau individu bagi membayar premium tanah secara

berperingkat tanpa menjejaskan hasrat pemajuan tanah. Inisiatif kemudahan pembayaran premium yang diberikan adalah:

- (i) melanjutkan tempoh pembayaran premium Notis Borang 5A dan premium tambahan Notis Borang 7G sehingga 30 September 2020 bagi notis-notis yang akan tamat dan telah tamat tempoh bayaran dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2020; dan
- (ii) Pembayaran premium tanah secara ansuran selama 6 bulan sehingga 31 Mac 2021 kepada Notis Borang 5A dan Notis Borang 7G yang belum tamat tempoh dalam Fasa 6 PKPP (10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020).

3. Bagi memastikan Hasil Cukai Hutan dapat dikutip:

- (i) Kerajaan Negeri mengenakan caj fi bagi pengeluaran kayu getah dan palma (kelapa/kelapa sawit) di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) dan selaras dengan keputusan Majlis Perhutanan Negara Ke-71; dan
- (ii) cadangan pemulihan dan penguatkuasaan melalui pengenaan permit penggunaan di kawasan pencerobohan dan penerokaan secara haram di dalam sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Selatan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERUMAHAN RAKYAT

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini status perumahan rumah idaman mengikut kawasan DUN?

- b) Nyatakan jumlah peratusan rumah idaman yang siap dan sedang bina sehingga Jun 2020?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBEKUAN LESEN MENJUAL ARAK

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengarahkan pihak PBT untuk membekukan lesen penjualan arak kepada premis jualan arak di bawah PBT?
- b) Nyatakan jumlah lesen menjual arak yang telah diluluskan mengikut DUN Selangor?

JAWAPAN:

- a) PBT hanya mengeluarkan lesen perniagaan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan sama ada untuk perniagaan besar, sederhana dan kecil termasuk perniagaan yang melibatkan penjualan arak. Setiap perniagaan yang melibatkan penjualan arak perlu mendapat lesen/ permit khas arak yang dinyatakan di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176). Di Negeri Selangor, kuasa melulus lesen/ permit khas penjualan arak adalah di bawah bidang kuasa pihak Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah. Oleh yang demikian, penjualan arak berdasarkan Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176) adalah tidak dibenarkan sekiranya tidak mendapat kelulusan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah.

Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat berkenaan pembekuan lesen penjualan arak di kawasan PBT. Memandangkan kelulusan bagi menjual arak bukan di bawah bidang kuasa PBT, perkara ini perlu diteliti secara menyeluruh dengan mengambil kira kuasa-kuasa yang dinyatakan di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176). Walau bagaimanapun, PBT sedia memberi kerjasama dalam melaksanakan pemantauan ke atas perniagaan-perniagaan yang menerima kelulusan lesen penjualan arak bagi memastikan perniagaan ini adalah dalam keadaan terkawal. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun dan notis berhenti niaga boleh dikenakan ke atas kedai yang menjual arak tanpa lesen.

- b) Jumlah lesen/ permit khas arak yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor adalah seperti berikut :

BIL	PDT	DUN	JUMLAH LESEN MENJUAL ARAK DILULUSKAN
1.	PETALING	Taman Medan	134
		Bukit Gasing	96
		Kampung Tunku	108
		Bandar Utama	123
		Bukit Lanjan	24
		Kota Damansara	83
		Paya Jaras	23
		Kota Anggerik	44
		Batu Tiga	24
		Seri Kembangan	95
		Seri Serdang	45
		Kinrara	116
		Subang Jaya	167
		Seri Setia	157
Jumlah Kecil		1,239	
2.	KLANG	Bukit Raja	59
		Kapar	6
		Telok Gadong	67
		Rantau Panjang	7
		Pulau Indah	3
		Jalan Kebun	37
Jumlah Kecil		179	
3.	GOMBAK	Taman Templer	10
		Sg Tua	8
		Gombak Setia	3
		Rawang	29
		Kuang	6
		Hulu Klang	4
		Bukit Lanjan	30
Jumlah Kecil		90	
4.	HULU LANGAT	Bukit Antarabangasa	0
		Lembah Jaya	16
		Pandan Indah	28

		Teratai	9
		Dusun Tua	0
		Semenyih	13
		Kajang	45
		Sungai Ramal	2
		Balakong	38
	Jumlah Kecil		151
5.	SEPANG	Dengkil	41
		Sungai Pelek	38
		Tanjung Sepat	0
	Jumlah Kecil		79
6.	KUALA LANGAT	Sijangkang	27
		Banting	47
		Morib	6
		Tanjung Sepat	5
	Jumlah Kecil		85
7.	KUALA SELANGOR	Sungai Burong	0
		Permatang	8
		Bukit Malawati	9
		Ijok	12
		Jeram	4
	Jumlah Kecil		33
8.	HULU SELANGOR	Kuala Kubu Bharu	16
		Batang Kali	41
		Hulu Bernam	7
	Jumlah Kecil		64
9.	SABAK BERNAM	Sekinchan	4
		Sungai Panjang	5
		Sabak	7
		Sungai Air Tawar	0
	Jumlah Kecil		16
JUMLAH KESELURUHAN			1936

Nota : Sumber daripada Pejabat Daerah dan Tanah